



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PERUNTUKAN SEBANYAK RM3.2 JUTA UNTUK MEMPERKASA KESATUAN SEKERJA MALAYSIA MELALUI INISIATIF PROGRAM HAL EHWAL KESATUAN SEKERJA (PHEKS) TAHUN 2024

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) selaku Jabatan yang bertanggungjawab mengawal selia kesatuan sekerja yang berdaftar telah ditugaskan untuk menyelaraskan pelaksanaan inisiatif dan pengagihan peruntukan kewangan kepada kesatuan sekerja di Malaysia bagi menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan kesatuan sekerja.

Pada tahun ini KESUMA melalui JHEKS juga telah memperuntukkan RM3.2 juta khusus untuk kesatuan sekerja di Malaysia bagi menyokong dan memantapkan pergerakan kesatuan sekerja melalui bantuan kewangan serta mewujudkan platform pendidikan untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan anggota kesatuan melalui pembelajaran secara berterusan. Ini bagi mewujudkan pergerakan kesatuan sekerja yang matang dan progresif di Malaysia setara dengan kesatuan sekerja di peringkat antarabangsa dengan menerapkan konsep Malaysia Madani.

Program Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (PHEKS) merupakan satu bentuk bantuan kewangan yang dibayar secara *one-off* kepada kesatuan sekerja yang berdaftar di Malaysia. Sebanyak enam (6) kluster telah ditawarkan kepada kesatuan sekerja pada tahun ini iaitu Latihan dan Program Pendidikan, Kajian Pergerakan Kesatuan Sekerja, Penulisan Ilmiah berkenaan Isu-Isu Perburuhan berkaitan Kesatuan Sekerja, Pembelian Peralatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Pembangunan Modul *E-Learning* Berbentuk Video Simulasi dan Pembelian Insurans Kelompok Kali Pertama Kepada Anggota Berhak.

PHEKS 2024 telah menerima sejumlah 1206 permohonan daripada pelbagai kesatuan sekerja di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 369 permohonan bernilai RM3.2 juta telah diluluskan.

Bagi peringkat zon selatan (Johor, Melaka dan Negeri Sembilan), sejumlah 84 permohonan bernilai RM670,000.00 yang diluluskan adalah untuk PHEKS 2024 dengan perincian seperti berikut:

- (1) Melaka – 26 daripada 64 permohonan diluluskan (RM141,700.00);
- (2) Negeri Sembilan - 22 daripada 64 permohonan diluluskan (RM158,300.00); dan
- (3) Johor – 36 daripada 134 permohonan diluluskan (RM370,000.00).

Majlis Penyerahan PHEKS 2024 Peringkat Zon Selatan telah diadakan di Hatten Hotel, Melaka dan dirasmikan oleh YB Dato' Sri Abdul Rahman bin Mohamad, Timbalan Menteri KESUMA.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA)

6 JUN 2024